

MAHATHIR - VIDEO

KUALA LUMPUR, 8 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU YAKIN PEMBANGKANG AKAN MENJADIKAN ISU PITA VIDEO YANG DIDAKWA MEMBABITKAN BEKAS TIMBALAN SPEAKER DEWAN RAKYAT ENCIK D.P.VIJANDRAN SEBAGAI BAHAN PILIHAN RAYA TETAPI, KATANYA BARISAN NASIONAL BERSEDIA MENJAWABNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA TANPA MAHU MENUDUH SESIAPA, BELIAU NAMPAK ADANYA RANCANGAN YANG DIBUAT UNTUK BUKAN SANGAT MEMBURUKKAN ENCIK VIJANDRAN TETAPI SEBENARNYA BERTUJUAN MEMBURUK-BURUKKAN KERAJAAN, BARISAN NASIONAL, MIC DAN MAIKA HOLDINGS.

+TUJUANNYA BUKAN SANGAT NAK MEMBURUKKAN ENCIK VIJANDRAN KERANA DIA SEORANG TIDAK JADI APA... HABIS-HABIS SANGAT DIA BERHENTI DARIPADA MENJADI WAKIL RAKYAT, ITU SAHAJA,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA DI LUAR DEWAN SELEPAS MENJAWAB SOALAN PADA PERSIDANGAN DEWANN RAKYAT.

KATANYA, PEMBANGKANG SENGAJA MEMBANGKITKAN ISU ITU DALAM DEWAN KERANA MEREKA TIDAK AKAN BEBAS MEMBUAT TUDUHAN DI LUAR DEWAN.

KATANYA, PEMBANGKANG JUGA TIDAK AKAN MEMBIARKAN ISU ITU MATI BEGITU SAHAJA KERANA MEREKA MAHU IA DILANJUTKAN, SEBOLEH-BOLEHNYA SAMPAI PILIHAN RAYA UMUM. -- LAGI.

SEPANJANG MASA BELIAU MEMBERI JAWAPAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR DIGANGGU BEBERAPA KALI OLEH ANGGOTA-ANGGOTA PEMBANGKANG TERUTAMA ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-TANJONG) DAN ENCIK KARPAL SINGH (DAP-JELUTONG).

ENCIK KARPAL SINGH PADA SATU KETIKA MAHU PENGAKUAN PERDANA MENTERI BAHAWA BELIAU SENDIRI TURUT TERLIBAT DALAM KEPUTUSAN MEMUSNAHKAN 11 PITA VIDEO DAN EMPAT SAMPUL SURAT MENGANDUNGI 2,000 GAMBAR YANG DIKATAKAN KEPUNYAAN ENCIK VIJANDRAN.

EKORAN DESAKAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERANA TUDUHAN ITU DIBUAT OLEH ENCIK KARPAL SINGH DI DALAM DEWAN TANPA BUKTI, MAKA BELIAU SENDIRI JUGA SANGGUP MEMBUAT DAKWAAN DI DALAM DEWAN BAHAWA ANGGOTA PARLIMEN JELUTONG ITU SENDIRI YANG MERANCANG PENCURIAN PITA VIDEO DI RUMAH ENCIK VIJANDRAN.

+SEKARANG INI SAYA HENDAK TUDUH DIA DALAM DEWAN INI SAHAJA, TIDAK DI LUAR... YANG DIA RANCANG PENCURIAN PITA INI, KERANA DIA DAPAT MAKLUMAT DARIPADA ORANG-ORANG TERTENTU BAHAWA ADA VIDEO LUCAH DI DALAM PETI BESI DI RUMAH ENCIK VIJANDRAN. DAN DIA TELAH RANCANG BAGAIMANA HENDAK MEMERANGKAP ENCIK VIJANDRAN.

+DAN DIA SURUH ARAH PENCURI UNTUK MEMECAH PETI BESI INI SUPAYA DAPAT PITA INI DAN MENCARI JALAN SUPAYA PITA INI TERDAPAT PADA PIHAK POLIS.+

+SELEPAS PITA INI TERDAPAT KEPADA PIHAK POLIS, TIDAK ADA APA YANG BERLAKU... DIA TUNGGU+, KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, TIDAK ADA ALASAN UNTUK BELIAU TERLIBAT DALAM SOAL PEMUSNAHAN PITA VIDEO ITU KERANA APA YANG PENTING PADA KETIKA ITU IALAH, PITA VIDEO BERKENAAN MERUPAKAN BAHAN DALAM SATU KES PENCURIAN. -- LAGI.

U B756 DEB  
MAHATHIR - VIDEO 3 KUALA LUMPUR

+SUNGGUHPUN PITA ITU SUDAH DIMUSNAH, SAYA DIBERITAHU BANYAK SALINANNYA ADA DI KEDAI-KEDAI... PERGILAH CARI DAN KALAU ADA BUKTI TUNJUKKANLAH KEPADA MAHKAMAH,+ KATANYA.

KATANYA, PEMBANGKANG JUGA BOLEH MEMINTA PEGAWAI-PEGAWAI POLIS DAN LAIN-LAIN YANG MENURUT MEREKA KONONNYA TELAH MELIHAT KANDUNGAN PITA VIDEO BERKENAAN, UNTUK MEMBERI KETERANGAN DI MAHKAMAH.

SEBALIKNYA MEREKA TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN HANYA MEMBUAT TUDUHAN DALAM DEWAN TANPA MEMPUNYAI BUKTI, KATA PERDANA MENTERI.

MENURUT BELIAU, PENYIASATAN POLIS MENGENAI KES KECURIAN DI RUMAH ENCIK VIJANDRAN, YANG JUGA ANGGOTA PARLIMEN KAPAR, SUDAH SELESAI DAN DAKWAAN TIDAK DIBUAT DI MAHKAMAH KERANA KES ITU LEMAH.

+SOAL LUCAH ATAU TIDAK PITA ITU, TIDAK MELIBATKAN POLIS KERANA IA MERUPAKAN KES SIVIL DAN MAHKAMAH AKAN MENENTUKANNYA,+ KATA BELIAU. -- LAGI.

1917MST 08 03 90

U B757 DEB  
MAHATHIR - VIDEO 4 KUALA LUMPUR

BERHUBUNG DENGAN ADUAN POLIS YANG DIBUAT OLEH ANGGOTA PARLIMEN JELUTONG, ENCIK KARPAL SINGH MENGENAI BEBERAPA KEPING GAMBAR YANG DIKATAKAN LUCAH, BELIAU BERKATA POLIS SEDANG MENYIASAT DAN KALAU ADA KES, AKAN MEMBAWANYA KE MAHKAMAH.

MENGENAI CABARAN KETUA PEMBANGKANG ENCIK LIM KIT SIANG SUPAYA MEREKA BERDEBAT MENGENAI PENUBUHAN BADAN YANG DINAMAKAN +ELECTION WATCH+ (PENGAWAS PILIHAN RAYA), PERDANA MENTERI BERKATA, PERBAHASAN SEUMPAMA ITU TIDAK AKAN MEMBERIKAN APA-APA MAKNA.

BELIAU MENGULANGI KENYATAAN AWALNYA BAHAWA ANGGOTA-ANGGOTA BADAN ITU DIKETAHUI SEBAGAI PENENTANG KERAJAAN.

+ORANG-ORANG INI BIASA MEMBUAT KENYATAAN MEMBURUKKAN KERAJAAN... ORANG-ORANG INIKAH DIKATAKAN BERKECUALI,+ KATA BELIAU. -- BERNAMA.

1918MST 08 03 90

U B740 DEB